

TOP GLOVE DIKTIRAF GUNA AMALAN MAMPAN, BERTANGGUNGJAWAB

14 February 2024 / 12:02



KUALA LUMPUR: Top Glove Corporation Bhd disenaraikan ke dalam Buku Tahunan Kelestarian S&P Global 2024 untuk tahun ketiga berturut-turut, sekali gus menekankan komitmen tidak berbelah bahaginya terhadap amalan mampan dan korporat yang bertanggungjawab.

Menurut Top Glove dalam satu kenyataan hari ini, penghormatan itu diberikan secara eksklusif kepada 15 peratus syarikat dalam industri masing-masing, berdasarkan bilangan pencapaian dan Penilaian Kemampanan

Korporat (CSA) minimum melebihi 30 markah.

Sebagai tambahan, katanya syarikat yang layak dalam senarai berkenaan berada di tempat 30 teratas syarikat berprestasi tinggi dalam industri masing-masing.

"Skor Top Glove juga adalah antara yang tertinggi daripada 13 syarikat dalam kategori penjagaan kesihatan industri bekalan peralatan di seluruh dunia dalam CSA, setakat tarikh markah pada 7 Februari 2024.

"Buku Tahunan Kelestarian ialah penerbitan yang dipandang tinggi oleh S&P Global, mempamerkan senarai peneraju syarikat di seluruh dunia yang cemerlang dalam prestasi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

"Daripada lebih 9,400 syarikat yang dinilai secara meluas dalam CSA 2023, hanya 759 syarikat elit dipilih untuk dimasukkan ke dalam buku tahunan yang berprestij, menjadikan pencapaian

Top Glove amat membanggakan," katanya.

Top Glove berkata, komitmen mereka terhadap kemampuan diterap dalam budaya korporat pengeluar sarung tangan getah itu.

Katanya, melalui inisiatif inovatif berterusan, operasi yang bertanggungjawab dan perkongsian bermakna, syarikat terus memacu impak positif dalam pemeliharaan alam sekitar, kesaksamaan sosial dan tadbir urus korporat yang teguh.

Sementara itu, Pengarah Urusan Top Glove, Lim Cheong Guan, berkata pihaknya berbesar hati

untuk diiktiraf sekali lagi dalam Buku Tahunan Kelestarian S&P Global.

"Pencapaian ini adalah bukti kepada usaha kolektif pekerja, pemegang kepentingan dan rakan kongsi kami yang berkongsi komitmen terhadap kemampuan.